

Lebih 9,000 graduan menerima ijazah mereka dalam majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Nanyang (NTU) yang berlangsung mulai semalam hingga 2 Ogos nanti. Di antara mereka ialah beberapa anak Melayu/Islam yang berjaya menamatkan pengajian dengan keupujian tertinggi. Wartawan **NUR FATHIN AWALLUDIN** (nfathin@sph.com.sg) dan **SRI AFIQAH HAMIR** (afiqah@sph.com.sg) melaporkan.

Mantan Presiden Tony Tan diberi penghormatan tertinggi NTU



DIBERI IJAZAH KEDOKTORAN KEHORMAT: Mantan Presiden Singapura Dr Tony Tan Keng Yam (kiri) menerima ijazah kehormat daripada Presiden Singapura serta Canselor NTU, Puan Halimah Yacob, semasa majlis Konvokesyen NTU 2018 semalam. – Foto NTU

MANTAN Presiden Singapura Dr Tony Tan Keng Yam telah diberi ijazah kehormat semasa majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Nanyang (NTU) semalam.

Sebagai bekas Menteri Pendidikan, Dr Tan menerajui pembangunan pendidikan tinggi, termasuk pertubuhan NTU Singapura.

Bagi mengiktiraf sumbangan beliau, NTU telah menganugerahkan beliau ijazah kehormat itu yang merupakan bentuk pengiktirafan tertinggi universiti tersebut.

Pemberian ijazah kedoktoran kehormat itu berlangsung pada majlis pertama Konvokesyen NTU 2018 pagi semalam yang dihadiri Presiden Halimah Yacob.

Puan Halimah juga merupakan Canselor universiti itu.

Turut hadir di majlis yang sama ialah Menteri Pendidikan Encik Ong Ye Kung. “Saya berbesar hati menerima ijazah kedoktoran kehormat daripada NTU,” ujar Dr Tan dalam ucapan beliau.

“Dalam kerjasama saya dengan NTU sejak tiga dekad lalu, saya telah menyaksikan dengan bangga kejayaan NTU yang banyak sekali.

“Saya terutamanya amat gembira melihat kepelbagaian ilmu dan minat intelektual dalam auditorium ini hari ini (semalam),” tambahnya.

Dalam ucapannya, Dr Tan turut mengingatkan graduan bahawa pendidikan mereka tidak berakhir sebaik sahaja mereka mengenggam ijazah.

Kata beliau: “Meraih ijazah anda tidak menamatkan perjalanan pendidikan anda.

“Ia satu pencapaian penting, tetapi ju-

“Meraih ijazah anda tidak menamatkan perjalanan pendidikan anda. Ia satu pencapaian penting, tetapi juga hanya satu daripada banyak pencapaian penting lain dalam pembelajaran sepanjang hayat yang merentas disiplin. Pendidikan dan pembelajaran haruslah sepanjang hayat. Anda harus sentiasa mempertingkatkan dan memperdalam kemahiran anda untuk kekal relevan dan boleh terus bekerja dalam dunia yang pesat berubah ini.”

– Dr Tony Tan Keng Yam.

ga hanya satu daripada banyak pencapaian penting lain dalam pembelajaran sepanjang hayat yang merentas disiplin. “Pendidikan dan pembelajaran haruslah sepanjang hayat.

“Anda harus sentiasa mempertingkatkan dan memperdalam kemahiran anda untuk kekal relevan dan boleh terus bekerja dalam dunia yang pesat berubah ini.”

Dr Tan turut dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pentadbiran Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) mulai 1 Ogos ini.

Beliau telah membantu menubuhkan RSIS pada 1996 untuk mengkaji pembangunan strategik yang mungkin menyumbang kepada ketidastabilan serantau.

RSIS kini merupakan kumpulan pemikir (*think tank*) terkemuka dengan penyelidikan yang fokus kepada keselamatan, pertahanan, diplomasi dan hubungan antarabangsa.

Berlangsung dari semalam hingga 2 Ogos nanti, Konvokesyen NTU 2018 kali ini melibatkan seramai 9,755 graduan yang akan menerima ijazah masing-masing.

Seramai 6,314 graduan bakal menerima ijazah sarjana muda sementara 3,441 graduan pula menerima ijazah tinggi.

Di samping itu, kumpulan pertama graduan dari Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine) NTU turut dirai tahun ini.

Seramai 52 graduan dari sekolah perubatan tersebut sudah memulakan tugas di institusi perubatan di sekitar Singapura.

Dalam pada itu, satu kajian awal yang dilakukan ke atas sekitar 5,000 graduan NTU menunjukkan lebih tujuh dari 10 graduan telah mendapatkan pekerjaan sebelum menerima ijazah mereka.

Tiara ‘dimahkota’ graduan terbaik jurusan Bahasa Inggeris NTU

MESKIPUN berjaya memperoleh lapan mata dalam peperiksaan GCE Peringkat ‘O’ yang sekali gus melayakkan beliau melangkah ke maktab rendah yang baik, Cik Tiara M Hamarian tidak tertarik memilih laluan tersebut.

Beliau yakin mahu mendapatkan diploma dalam jurusan komunikasi massa kerana berminat menceburi bidang kewartawanan.

Keputusannya itu disokong ibu bapanya tetapi dengan satu syarat – Cik Tiara, 24 tahun, tidak boleh berhenti setakat di politeknik sahaja, beliau mesti meneruskan pengajiannya ke universiti.

Perjanjian tersebut bukan sahaja dikotakannya, malah beliau membuktikan kemampuannya lebih daripada itu.

Cik Tiara berjaya muncul sebagai graduan terbaik dalam jurusan Bahasa Inggeris, Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Dengan kejayaan itu, beliau menerima Pingat Emas Lee Kuan Yew, anugerah cukup berprestij yang diberikan kepada graduan terbaik dalam jurusan masing-masing di NTU.

Kesemua penerima pingat

emas tersebut – seramai 37 graduan tahun ini – berjaya meraih Keupujian Kecemerlangan Tertinggi.

Ditanya mengapa beliau memilih mempelajari Bahasa Inggeris di universiti, Cik Tiara menjelaskan bahawa selain mempunyai minat mendalam pada bahasa, beliau juga mahu mempelajari kemahiran bersifat akademik seperti penulisan akademik, pemikiran kritikal dan pendedahan kepada teori kritikal, yang diajarkan secara mendalam dalam jurusan pilihannya itu.

Malah, anak muda cukup peramah itu turut menguasai lima bahasa termasuk Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Mandarin, Hindi dan Bahasa Arab.

Beliau bercadang mempelajari bahasa Sepanyol dan Perancis pula.

Bekas pelajar Politeknik Ngee Ann itu yang pernah melalui program latihan (internship) sebagai wartawan bersama akhbar setempat, menyifatkan ia sebagai satu pengalaman yang amat beliau hargai.

Namun, pengalaman bekerja sebagai pelatih (intern) di sebuah sekolah bagi kanak-kanak

yang autisme membuka matanya kepada kemungkinan meneroka kerjaya di luar bidang media dan kewartawanan.

Berkongsi pengalamannya, gadis yang murah menguntum senyuman dan yang kini bertugas di sebuah syarikat kewartawanan antarabangsa berkata:


“Pada tahun ketiga di universiti, saya melalui program latihan dengan sebuah sekolah autisme selama dua, tiga bulan.

“Meskipun waktunya singkat, ia sungguh berkesan bagi saya kerana saya mendapat perspektif baru terhadap mereka yang berkeperluan khas dan juga terhadap pendidikan khas.

“Saya seolah-olah mempunyai minat baru terhadap golongan ini, ia seperti satu ‘panggilan’ bagi saya.”

Kini beliau mahu mencuba bekerja dalam sektor awam atau pendidikan, “sesuatu yang boleh mendekatkan saya kepada masyarakat”.

Cik Tiara turut bercita-cita melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan akan memohon untuk mengikuti pengajian di Universiti Oxford atau Cambridge dalam masa dua tahun akan datang.



GRADUAN TERBAIK: Cik Tiara yang merupakan graduan terbaik pengajian Bahasa Inggeris di NTU menerima anugerah berprestij, Pingat Emas Lee Kuan Yew. Beliau mengetahui lima bahasa termasuk Hindi dan Mandarin. – Foto BH oleh ZHANG XUAN

“Pada tahun ketiga di universiti, saya melalui program latihan dengan sebuah sekolah autisme selama dua, tiga bulan. Meskipun waktunya singkat, ia sungguh berkesan bagi saya kerana saya mendapat perspektif baru terhadap mereka yang berkeperluan khas dan juga terhadap pendidikan khas. Saya seolah-olah mempunyai minat baru terhadap golongan ini, ia seperti satu ‘panggilan’ bagi saya.”

– Cik Tiara M Hamarian.